



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepc.com



PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN HADIS DALAM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH HARIAN DI NEGERI PERAK

*IMPLEMENTATION OF TEACHING AND LEARNING OF HADITH IN ISLAMIC
EDUCATION IN PERAK SECONDARY SCHOOL*

W Azizi Abdul Rahman^{1*}, Norhisham Mohamad²

¹ Department of Islamic Studies, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: ppd-a090-cm18@moe-dl.edu.my

² Department of Islamic Studies, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: nhisham@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 14.12.2020

Revised date: 24.12.2020

Accepted date: 22.02.2021

Published date: 01.03.2021

To cite this document:

Rahman, W. A. A., & Mohamad, N. (2021). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis dalam Pendidikan Islam Sekolah-Sekolah Menengah Harian di Negeri Perak. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6 (38), 80-92.

DOI: 10.35631/IJEPC.638008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam pendidikan Islam sekolah menengah di negeri Perak. Bentuk penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Seramai 269 orang guru pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak dipilih sebagai responden kajian yang menggunakan teknik persampelan rawak. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min sisihan piawai. Dapatan kajian pada konstruk peruntukan masa berada pada tahap sederhana tinggi ($\min=3.51$, $s.p=0.3$). Manakala dapatan bagi konstruk Bahan Bantu Mengajar skor min keseluruhan item ialah ($\min=3.75$, $s.p=0.15$) dan interpretasi adalah sederhana tinggi dan konstruk bagi kaedah pengajaran guru (*kitabah*) skor min keseluruhan item ialah ($\min=4.65$, $s.p=0.23$) dan interpretasi pada tahap tinggi Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa guru dapat melaksanakan kaedah pengajaran dengan baik untuk mempengaruhi pencapaian pelajar. Walaupun begitu peruntukan masa mengajar dan kemudahan bahan bantu mengajar perlu dipertingkatkan. Implikasi kajian menunjukkan pihak berkenaan perlu menambah peruntukan masa pengajaran dan memberi pendedahan penggunaan bahan bantu mengajar kepada guru, agar pelajar boleh menguasai dengan dan mempertingkatkan amalan *sunnah* di dalam kehidupan sehari-hari sebagaimana pengajaran yang diperolehi daripada pembelajaran hadis di sekolah.

Kata Kunci:

Peruntukan Masa, Bahan Bantu Mengajar, Kaedah Pengajaran

Abstract:

This paper is to identify the implementation of hadith teaching and learning in secondary Islamic Education in Perak. This form of research uses quantitative methods. A total of 269 Islamic education teachers in daily secondary schools in Perak were selected as respondents using random sampling techniques. The study data were descriptively analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) to obtain frequency, percentage, mean standard deviation. The findings on the time allocation construct were at moderately high levels ($\text{mean}=3.51$, $s.p=0.3$). Meanwhile, the findings of the teaching aid Material Construct mean score of the entire item are ($\text{mean}=3.75$, $s.p=0.15$) and the teachers' interpretation is moderately high and the construct for teacher's teaching method "kitabah" the whole item's mean score is ($\text{mean}=4.65$, $s.p=0.23$) and interpretation at a high level. In conclusion, the main findings of the study show that teachers can implement good teaching methods to influence students' achievement. Despite the provision of teaching time and ease of teaching aids needs to be improved. The implications of the study show that the parties should increase their teaching time and expose the use of teaching materials to teachers so that students can master and improve sunnah practices in everyday life as derived from hadith learning in schools.

Keywords:

Time Allocation, Teaching Aid Materials, Teaching Methods

Pendahuluan

Pendidikan merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan setiap individu. Pendidikan bermula sejak seorang itu dilahirkan sehingga kita menemui ajalnya. Pendidikan Islam merupakan, kemahiran dalam menghayati Islam, membentuk keperibadian serta membina jati diri kearah mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Pembelajaran ilmu hadis salah satu aspek penting dalam pendidikan setiap umat Islam. Hal ini kerana hadis adalah salah satu sumber terpenting dalam kehidupan umat Islam selepas al-Quran. Kedudukan hadis sebagai sumber kedua selepas al-Quran telah mendorong ianya terus dipelajari. Kadangkala ianya mentafsirkan ayat, menjelaskan kekeliruan, memperincikan hukum-hakam yang tidak dijelaskan di dalam mana-mana ruangan kecuali hadis. Justeru itu para ulama telah bertungku-lumus untuk memelihara hadis Nabi s.a.w daripada sebarang bentuk penyelewengan dan terus luput dalam kalangan umat Islam. (Abdul Hayei bin Abdul Sukor, 2006).

Pendidikan hadis terdapat di dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Pendidikan hadis memiliki fungsi utama sebagai menegaskan, memperjelaskan dan menguatkan hukum-hukum dan hal lain yang ada dalam al-Quran. Pendidikan hadis adalah amat penting untuk dipelajari kerana hadis adalah sumber perundangan Islam, hadis juga adalah penerangan kepada al-Quran, mengelakkan pendustaan dan hadis diperlukan dalam semua cabang ilmu. Allah juga memerintahkan agar segala perkara yang diperselisihkan oleh manusia dari perkara-perkara dasar agama ataupun cabang-cabangnya hendaklah kembali kepada al-Quran dan Sunnah rasulnya, sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah *an Nisa'*: 59.

فَإِن تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُنَ بِاللَّهِ وَالْيَقِيمَ الْآخِرَ دُلُكَ حَيْرَ وَأَحَسْنُ
[59-59] النساء: ٥٩

Bermaksud:

“maka jika kamu berbantah2 dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Rasul, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya.

(Abdullah Basmeh, 2001)

Pelaksanaan kurikulum hadis yang dijalankan perlu dilaksanakan dengan kesungguhan dan dipertingkatkan. Kerjasama dari pelbagai pihak perlu dalam pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran pendidikan Islam bagi memantapkan pelaksanaan kurikulum hadis seterusnya dapat melahirkan generasi yang berkualiti dan mahir dalam bidang hadis.

Pernyataan Masalah

Menurut Pekelinggiling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 (2016) peruntukan masa KBSM menengah rendah tingkatan 2 dan 3 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam 240 minit seminggu dan minima 128 jam setahun, manakala bagi menengah atas tingkatan 4 dan 5 pula 160 minit seminggu dan minima 86jam setahun. Bagi semakan baru KSSM bagi tingkatan 1 sesi persekolahan tahun 2017 masa minima bagi matapelajaran pendidikan Islam 128 jam setahun. Dalam tempoh keseluruhan jam tersebut akan dibahagikan dalam beberapa bidang iaitu tilawah, hadis, aqidah, ibadah, tamadun dan adab.

Permasalahan juga dapat diperhatikan dalam pengajaran hadis adalah peruntukan masa pengajaran hadis dilihat agak sedikit. Ini berdasarkan peruntukkan masa yang sangat minimum dalam bidang hadis dan ianya sekadar sisipan daripada proses pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran. Didapati juga sukanan yang sangat sedikit iaitu dua hadis bagi setiap tahun.

Menurut Suhaimi (2006) kajian di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh Perak mendapati bahawa 57% daripada kalangan guru yang mengajar hadis merasakan bahawa masa yang diperuntukkan untuk mengajar hadis adalah tidak memadai.

Menurut kajian Zakaria (2011) Mendapati guru-guru pendidikan Islam dapat melaksanakan pendekatan berpusatkan pelajar semasa pengajaran mereka tetapi tahapnya masih perlu diperbaiki lagi. Antara isu yang dikenalpasti dalam kajian ini ialah kurangnya latihan-latihan yang berkaitan dengan pedagogi terkini diberikan kepada guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Muhamad Faiz (2012) Metod dan pendekatan yang digunakan perlu dipelbagaikan bagi memaksimum keberkesanannya.

Selain itu, dari sudut bahan pengajaran, ini adalah cabaran dalam dalam pelaksanaan kurikulum hadis di sekolah menengah harian pengajaran dan pembelajaran hadis ialah kelemahan sistem pembelajaran yang hanya menggunakan buku teks sebagai rujukan dan kekurangan buku teks yang khusus untuk pengajian hadis di peringkat sekolah. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Suhaimi (2006) 55% daripada kalangan pelajar hanya berpandukan kepada buku teks sahaja bagi mendalami ilmu hadis ini merupakan kelemahan para pelajar di samping mengambil mudah dalam mendalami ilmu hadis. Kajian ini dipersetujui Rorsuedee Salaeh (2007) guru-guru tidak menggunakan buku-buku klasik (*turath*) sebagai panduan dan 75% menyatakan mereka tidak bersetuju bahawa buku teks yang sedia ada mencukupi untuk pengajian hadis bahkan mereka menyarankan untuk menyediakan buku teks khusus untuk pengajian hadis.

Kajian Kepustakaan

Suhaimi Abdul Wafir (2006), di Negeri Perak, Malaysia yang mendapati masa yang diperuntukkan dalam pengajaran hadis tidak mencukupi untuk menyempurnakan sukanan pembelajaran yang ditetapkan. Oleh itu, pembelajaran hadis prlu diubah waktu pembelajarannya dari sejam sehari kepada dua jam. Ianya disokong oleh kajian Rorsuedee Salaeh (2007) mendapati tahap pengetahuan pelajar terhadap ilmu hadis sangat rendah dan tidak memuaskan namun begitu, pengetahuan terhadap aspek lain menunjukkan nilai yang sangat tinggi dan memuaskan. Kajian ini telah dijalankan di Negeri Selangor di sebuah Sekolah Menengah Agama.

Seterusnya kajian Qutrennada & Ahmad Yunus Mohd Noor (2015) bagi mengenal pasti kaedah pengajaran hadis yang diaplikasikan serta mengkaji sukanan pembelajaran hadis yang digunakan dan kemampuan pelajar menghafaz hadis yang telah ditetapkan. Kajian ini telah dijalankan di Kedah yang berjudul: Pengajaran dan Pembelajaran Hadis di Maahad Darul Hadis Alor Setar, Kedah: Tinjauan Awal

Selain itu menurut kajian Muhammad Faidz bin Mohd Fadzil (Jun 2014) yang bertajuk “Pengajaran Hadis Di Institusi Formal dan Non formal Di Malaysia” lebih memfokuskan kepada institusi pengajaran atau yang melibatkan dua sistem iaitu secara formal dan non formal. Kajian ini mengupas berkaitan pendidikan yang formal seperti di Sekolah Menengah dan di Institut Pengajaran Tinggi Awam dan Swasta lebih teratur dan bersistematik berbanding pendidikan yang non formal seperti pengajaran di pondok atau di madrasah.

Hasil daripada perbincangan ini menunjukkan pelaksanaan kurikulum hadis dalam mata pelajaran pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar yang mahir dalam ilmu hadis. Setiap yang dilaksanakan perlu diteliti supaya matlamat tercapai dan dapat menghasilkan natijah yang baik.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk tinjauan yang melibatkan penggunaan instrument boring soal selidik. Menurut Mohd Majid (2004) kaedah soal selidik bertujuan untuk mengumpul data mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal tanpa menyoal mengapa pembolehubah-pembolehubah tersebut wujud. Sidi Gazalba (1981) menjelaskan bahawa kaedah tinjauan merupakan satu kajian untuk mengumpul data daripada sejumlah unit atau individudalam sesuatu masa. Populasi yang dipilih dalam kajian ini adalah guru pendidikan Islam Sekolah Menengah harian yang dibahagikan kepada tiga zon iaitu Utara, Tengah dan Selatan berjumlah 269 orang daripada jumlah populasi 469 orang guru pendidikan Islam. Kesahan kandungan instrument telah dibuat oleh 7 orang pakar pengesahan dalam bidangpendidikan Islam 4 orang pensyarah IPTA dan seorang IPTS, pegawai Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Guru Cemerlang Pendidikan Islam.

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif untuk menjawab soalan kajian satu dan dua. Manakala analisis infrensi dengan menggunakan analisis statistic Spearmen Correlation Coefficient.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti peruntukan masa pengajaran hadis dalam pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.
2. Mengenalpasti bahan bantu mengajar pengajaran hadis dalam pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.
3. Mengenalpasti kaedah pengajaran hadis dalam pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

Soalan Kajian

1. Bagaimana peruntukan masa pengajaran hadis dalam mata pelajaran pendidikan Islam di Sekolah Menengah harian di negeri Perak
2. Bagaimana bahan bantu mengajar pengajaran hadis dalam mata pelajaran pendidikan Islam di Sekolah Menengah harian di negeri Perak
3. Bagaimana kaedah pengajaran hadis dalam pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Perak.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dilaporkan dalam bentuk laporan deskriptif dalam bentuk min, sisihan piawai dan interpretasi. Manakala dapatan infrensi dilaporkan dalam bentuk anilisis regrasi mudah.

Peruntukan Masa

Peruntukan masa menunjukkan perincian skor min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi konstruk Peruntukan Masa. Skor min keseluruhan item ialah ($\text{min}=3.51$, $s.p =0.30$) dan interpretasi adalah sederhana tinggi. Terdapat dua item mencatatkan nilai interpretasi pada tahap tinggi. Memerlukan tempoh yang lama apabila selesai tajuk yang pertama sebelum memulakan tajuk yang baru ($\text{min}=4.54$, $s.p=0.5$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100% dan peruntukan masa yang diberi mencukupi untuk guru menghabiskan sukatan pelajaran hadis ($\text{min}=4.26$, $s.p=0.44$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%. Manakala terdapat tiga item mencatatkan nilai interpretasi pada tahap sederhana rendah. Sesi pengajaran dan pembelajaran bersama guru dalam tempoh enam bulan mempelajari hadis mencukupi ($\text{min}=2.97$, $s.p=0.53$) dengan peratusan setuju 11.9%, peruntukan masa dalam pengajaran dan pembelajaran hadis mencukupi untuk pelajar memahami isi pengajaran ($\text{min}=2.97$, $s.p=0.53$) dengan peratusan setuju 11.9% dan peruntukan masa yang diberi mencukupi untuk guru menghabiskan sukatan pelajaran hadis ($\text{min}=2.82$, $s.p=0.59$) dengan peratusan setuju 6.3%.

Jadual 1 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Tentang Peruntukan Masa

	STS	TS	KS	S	SS	MIN	S.P	Interpretasi
Sesi PdP bersama guru dalam tempoh 6 bulan mempelajari hadis mencukupi	2 0.7%	35 13%	200 74.3%	32 11.9%	0 0.0%	2.97	0.53	Sederhana Rendah

Peruntukan masa dalam PdP hadis mencukupi untuk pelajar memahami isi pengajaran	2 0.7%	37 13.8%	198 73.6%	32 11.9%	0 0.0%	2.97	0.53	Sederhana Rendah
Masa yang diperlukan mencukupi untuk mengukuhkan penguasaan pelajar dalam kefahaman hadis	9 3.3%	48 17.8%	195 72.5%	17 6.3%	0 0.0%	2.82	0.59	Sederhana Rendah
Peruntukan masa yang diberi mencukupi untuk saya menghabiskan sukanan pelajaran hadis.	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	198 73.6%	71 26.4%	4.26	0.44	Tinggi
Memerlukan tempoh yang lama apabila selesai tajuk yang pertama sebelum memulakan tajuk yang baru.	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	124 46.1%	145 53.9%	4.54	0.5	Tinggi
						3.51	0.30	Sederhana Tinggi

Bahan Bantu Mengajar

Jadual 2 menunjukkan perincian skor min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi konstruk bahan bantu mengajar. Skor min keseluruhan item ialah ($\text{min}=3.75$, $s.p = 0.15$) dan interpretasi adalah sederhana tinggi. Terdapat tujuh item mencatatkan nilai interpretasi pada tahap tinggi. Kelengkapan dalam kelas (papan putih/hitam, papan kenyataan, meja dan kerusi) memuaskan ($\text{min}=4.54$, $s.p=0.50$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, sekolah menyediakan kemudahan ICT untuk pengajaran dan pembelajaran ($\text{min}=4.29$, $s.p=0.45$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, dokumen standard kurikulum dan pentaksiran adalah mudah difahami ($\text{min}=4.29$, $s.p=0.45$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, hurai sukanan pelajaran dan dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sangat membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran hadis ($\text{min}=4.21$, $s.p=0.41$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, buku teks pendidikan islam yang dibekalkan adalah mudah difahami ($\text{min}= 4.20$, $s.p=0.40$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, bahan bantu mengajar disediakan sendiri ($\text{min}=4.13$, $s.p=0.41$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 97% dan buku teks pendidikan Islam yang dibekalkan adalah menarik ($\text{min}=4.04$, $s.p=0.48$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju

90.8%. Manakala terdapat tujuh item mencatatkan nilai interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Guru mendapat pendedahan penggunaan ICT untuk pengajaran dan pembelajaran ($\min=3.96$, $s.p=0.26$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 94.8%, bahan bantu mengajar disediakan oleh pihak sekolah ($\min=3.77$, $s.p=0.55$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 72.5%, guru menggunakan bahan bantu mengajar semasa pengajaran dan pembelajaran hadis ($\min=3.77$, $s.p=0.52$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 72.1%, Bahan bantu mengajar disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ($\min=2.99$, $s.p=0.64$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 13.8%, bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pengajaran hadis sangat sesuai dan menarik ($\min=2.83$, $s.p=0.53$) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 3%, guru mendapat pendedahan tentang penggunaan bahan bantu mengajar ($\min=2.82$, $s.p=0.38$) tiada peratusan setuju dan sangat setuju dan guru mendapat pendedahan untuk menghasilkan bahan bantu mengajar ($\min=2.65$, $s.p=0.48$) tiada peratusan setuju dan sangat setuju.

Jadual 2 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Tentang Bahan Bantu Mengajar

	STS	TS	KS	S	SS	MI	S.P	Interpretasi
						N		
Buku teks								
Pendidikan Islam yang dibekalkan adalah menarik	0 0.0%	0 0.0%	25 9.3%	207 77%	37 13.8%	4.0 4	0.4 8	Tinggi
Buku teks								
Pendidikan Islam yang dibekalkan adalah mudah difahami	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	215 79.9%	54 20.7%	4.2 4	0.4 8	Tinggi
DSK yang dibekalkan adalah mudah difahami	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	192 71.4%	77 28.6%	4.2 9	0.4 5	Tinggi
DSK sangat membantu saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran hadis	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	212 78.8%	57 21.2%	4.2 1	0.4 1	Tinggi
Bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh KPM dalam pengajaran hadis sangat sesuai dan Menarik	10 3.7%	35 13%	216 80.3%	8 3%	0 0.0%	2.8 3	0.5 3	Sederhana Rendah
Saya menggunakan Bahan Bantu	0 0.0%	0 0.0%	75 27.9%	181 67.3%	13 4.8%	3.7 7	0.5 2	Sederhana Tinggi

Mengajar semasa
PdP hadis

Bahan Bantu

Mengajar disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	48 17.8 %	184 68.4 %	29 10.8 %	8 3% %	2.9 9 4	0.6 4	Sederhana Rendah
Alat Bantu Mengajar disediakan sendiri	0 0.0% 0.0%	0 0.0% 0.0%	8 3% %	219 81.4 %	42 15.6 %	4.1 3 1	Tinggi
Bahan bantu mengajar disediakan oleh pihak sekolah	2 0.7% 0.7%	72 26.8 %	180 66.9 %	15 5.6% %	3.7 7 5	0.5 5	Sederhana Tinggi
Saya mendapat pendedahan tentang penggunaan Bahan Bantu Mengajar	48 17.8 %	221 82.2 %	0 0.0 %	0 0.0 %	2.8 2 8	0.3 8	Sederhana Rendah
Saya mendapat pendedahan untuk menghasilkan Bahan Bantu Mengajar	94 34.9 %	175 65.1 %	0 0.0% %	0 0.0 %	2.6 5 8	0.4 8	Sederhana Rendah
Saya mendapat pendedahan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran	0 0.0% 0.0%	14 5.2% %	251 93.3 %	4 1.5% %	3.9 6 6	0.2 6	Sederhana Tinggi
Sekolah menyediakan kemudahan ICT untuk pengajaran dan pembelajaran	0 0.0% 0.0%	0 0.0% 0.0%	191 71% %	78 29% %	4.2 9 5	0.4 5	Tinggi
Kelengkapan dalam kelas (papan putih/ hitam, papan kenyataan, meja dan kerusi) memuaskan	0 0.0% 0.0%	0 0.0% 0.0%	123 45.7 %	146 54.3 %	4.5 4 4	0.5 0.5	Tinggi
					3.7 5	0.1 8	Sederhana Tinggi

Kaedah Pengajaran (*Kitabah*)

Jadual 3 menunjukkan perincian skor min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi min bagi konstruk kaedah *kitabah*. Skor min keseluruhan item ialah (min=4.65, s.p =0.23) dan interpretasi adalah tinggi. Terdapat kesemua item mencatatkan nilai interpretasi pada tahap tinggi. Guru membimbing pelajar menulis secara ringkas tentang pengajaran hadis bagi memudahkan untuk menyenaraikan isi pengajaran hadis (min=4.83, s.p=0.37) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru menyemak apa yang telah ditulis oleh pelajar (min=4.77, s.p=0.42) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru meminta pelajar menulis semula hadis dengan betul (min=4.76, s.p=0.43) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru meminta pelajar menulis hadis agar lebih mudah mengaitkan hadis dengan situasi semasa (min=4.75, s.p=0.43) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru meminta pelajar menulis hadis agar pelajar lebih mudah merumuskan hadis yang dipelajari (min=4.7, s.p=0.46) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru meminta pelajar menulis pengajaran hadis (min=4.67, s.p= 0.47) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru meminta pelajar menulis hadis agar lebih mudah untuk menghafaznya (min= 4.57, s.p=0.50) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru meminta pelajar menulis hadis untuk lebih menghayati hadis dalam kehidupan seharian (min=4.55, s.p=0.5) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru menulis hadis di papan hitam (min=4.52, s.p=0.5) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%, guru menggunakan kaedah latih tubi dalam menulis hadis (min=4.51, s.p=0.56) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 96.7% dan guru meminta pelajar menulis matan hadis dan terjemahannya (min=4.48, s.p=0.50) dengan peratusan setuju dan sangat setuju 100%.

Jadual 3 Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Tentang Kaedah *Kitabah*

	STS	TS	KS	S	SS	MI	S.P	ASI
						N		
Saya meminta pelajar menulis hadis agar lebih mudah untuk menghafaznya.	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	116 43.1 %	153 56.9 %	4.5 7	0.5	Tinggi
Saya meminta pelajar menulis hadis untuk lebih menghayati hadis dalam kehidupan seharian	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	120 44.6 %	149 55.4 %	4.5 5	0.5	Tinggi
Saya membimbing pelajar menulis secara ringkas tentang pengajaran hadis bagi memudahkan untuk menyenaraikan pengajaran hadis	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	45 16.7 %	224 83.3 %	4.8 3	0.3 7	Tinggi

Saya meminta pelajar menulis hadis agar pelajar lebih mudah merumuskan hadis yang dipelajari	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	80 29.7 %	189 70.3 %	4.7 0	0.4 6	Tinggi
Saya meminta pelajar menulis hadis agar lebih mudah mengaitkan hadis dengan situasi semasa	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	67 24.9 %	202 75.1 %	4.7 5	0.4 3	Tinggi
Saya menulis hadis di papan hitam	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	130 48.3 %	139 51.7 %	4.5 2	0.5	Tinggi
Saya meminta pelajar menulis matan hadis dan terjemahannya	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	141 52.4 %	128 47.6 %	4.4 8	0.5	Tinggi
Saya menggunakan kaedah latih tubi dalam menulis hadis	0 0.0%	0 0.0%	9 3.3%	115 42.8 %	145 53.9 %	4.5 1	0.5 6	Tinggi
Saya meminta pelajar menulis semula hadis dengan betul	0 0.0 %	0 0.0 %	0 0.0 %	64 23.8 %	205 76.2 %	4.7 6	0.4 3	Tinggi
Saya meminta pelajar menulis pengajaran hadis	0 0.0 %	0 0.0 %	0 0.0 %	90 33.5 %	179 66.5 %	4.6 7	0.4 7	Tinggi
Saya menyemak apa yang telah ditulis oleh pelajar	0 0.0 %	0 0.0 %	0 0.0 %	62 23%	207 77%	4.7 7	0.4 2	Tinggi
						4.6 5	0.2 3	
								Tinggi

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian dilakukan untuk menghuraikan hasil yang diperoleh daripada kajian yang telah dilakukan mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam pendidikan Islam sekolah menengah di negeri Perak. Perbincangan ini untuk menilai kekuatan dan kelemahan pelaksanaan pengajaran hadis dari segi peruntukan masa, bahan bantu mengajar dan kaedah pengajaran guru.

Analisis Deskriptif Dilakukan Kepada Pelaksanaan Peruntukan Masa, Bahan Bantu Mengajar Dan Kaedah Pengajaran Guru.

Dapatan terhadap peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran hadis menggambarkan ketidakpuasan hati guru dan pelajar terhadap peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran hadis di sekolah menengah. Ini dibuktikan dengan min keseluruhan dari persepsi guru ($\text{min}=3.51$) dan pelajar ($\text{min}=3.72$) berada pada tahap sederhana tinggi. Ini perkara yang perlu di beri perhatian sewajarnya. Oleh yang demikian perubahan perlu dilakukan dengan melakukan inovasi dan perubahan yang besar dalam peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran hadis.

Guru merasakan bahawa peruntukan masa bersama guru dalam tempoh 6 bulan mempelajari hadis mencukupi kurang dipersetujui oleh guru. Ini dibuktikan dengan item tersebut mendapat interpretasi min pada tahap sedehana rendah. Manakala guru juga kurang bersetuju peruntukan masa yang diberi mencukupi untuk pelajar memahami isi pengajaran dan mengukuhkan penguasaan pelajar dalam kefahaman hadis. Ini dibuktikan dengan kedua-dua item tersebut mendapat interpretasi pada tahap sederhana rendah. Ini menggambarkan bahawa guru selaku pelaksana kurikulum hadis merasakan peruntukan masa tidak bersesuaian dan mencukupi dalam melaksanakan kurikulum hadis dan tidak mampu melahirkan pelajar yang berkualiti dalam bidang hadis.

Pelajar juga merasakan bahawa peruntukan masa dalam tempoh 6 bulan dalam pengajaran dan pembelajaran hadis tidak mencukupi. Ini dibuktikan dengan ketiga-tiga item tersebut mendapat interpretasi min pada tahap sederhana tinggi. Pelajar juga lebih merasakan peruntukan masa dalam melaksanakan kurikulum masih tidak mencukupi dan perlu ditambah.

Zawawi (2008) telah menegaskan bahawa peruntukan waktu yang sesuai dalam pengajaran perlu mengambil kira faktor keupayaan pelajar dan bahan atau silibus yang dimuatkan. Oleh yang demikian peruntukan masa perlu ditambah sejajar dengan keupayaan pelajar dan kandungan kurikulum agar matlamat dan objektif pendidikan hadis tercapai dengan jayanya.

Dapatan kajian bahan bantu mengajar skor min keseluruhan ($\text{min}=3.75$, $s.p=0.15$) dan interpretasi sederhana tinggi. Guru sangat bersetuju buku teks yang dibekalkan menarik dan mudah untuk difahami. Ini dibuktikan dengan jelas terdapat 2 item mencatat interpretasi min pada tahap tinggi. Didalam pengajaran dan pembelajaran bahan bantu mengajar berperanan memberi peluang kepada pelajar memperoleh kemahiran melalui penggunaan pelbagai alat berperanan memberi peluang kepada pelajar memperoleh kemahiran melalui penggunaan pelbagai deria, iaitu deria penglihatan, deria sentuh dan deria pendengaran Ahmad Mohd Salleh (2004).

Pelajar juga bersetuju dengan guru iaitu buku teks yang dibekalkan menarik ini dibuktikan dengan mencatat interpretasi min pada tahap tinggi. Walaubagaimanapun dapatan kajian menunjukkan guru tidak bersetuju bahan bantu mengajar untuk pengajaran hadis disediakan

oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini dibuktikan dengan jelas apabila item berkaitan bahan bantu mengajar yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mencatat interpretasi min pada tahap sederhana rendah. Dapatan kajian ini menunjukkan guru merasakan bahawa bahan bantu mengajar kurang digunakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran hadis. Guru juga merasakan bahawa kemudahan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran hadis masih belum mencukupi.

Guru juga berpandangan mereka menyediakan sendiri dan tidak mendapat pendedahan untuk menghasilkan bahan bantu mengajar. Ini dibuktikan dengan item ini mendapat interpretasi min pada tahap sederhan rendah. Oleh yang demikian bentuk perubahan secara incremental perlu dilakukan iaitu pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan terhadap kemudahan bahan bantu mengajar. Pelajar juga bersetuju, guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar semasa pengajaran dan pembelajaran hadis, dan guru kurang menggunakan kemudahan ICT semasa pengajaran dan pembelajaran. Ini dibuktikan dengan item berkaitan ini mendapat interpretasi sederhana tinggi. Dapatan kajian ini juga menggambarkan bahawa kemudahan bahan bantu mengajar masih berkurangan dan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran hadis oleh pelaksana kurikulum hadis juga berada pada tahap minimum. Kemahiran penyediaan dan penggunaan terhadap bahan bantu mengajar dan fungsinya seharusnya didedahkan kepada pelaksana kurikulum hadis dalam pengajaran dan pembelajaran hadis. Bahan bantu mengajar juga harus disediakan dan dibekalkan secukupnya agar matlamat dan objektif pendidikan hadis dapat dicapai dengan sempurna. Kajian ini menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Zawawi (2008) selari dengan kajian ini dengan menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang berbentuk ICT mengalami penggunaan pada tahap yang sangat kritikal. Begitu juga dapatan Khairuzaman (2003) pula mendapati antara masalah yang dihadapi untuk mengaplikasi pengajaran menggunakan ICT ialah kurangnya tenaga mahir yang menyelia alat-alat elektronik dan kurang perisian kursus yang dibangunkan khas untuk pengajaran. Omardin (1997) membincangkan tentang kelebihan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu maklumat yang disalurkan melalui bahan bantu mengajar akan lebih mudah kekal dalam ingatan pelajar kerana mereka mengalami situasi pendengaran yang berlainan dan sesi pengajaran, pembelajaran akan menjadi lebih menarik serta pendengaran pelajar akan lebih mudah terangsang dan memudahkan pengajaran guru. Begitu juga dengan dapatan kajian Ahmad Mohd Salleh (2004) menegaskan bahawa kepentingan bahan bantu mengajar dapat mengekalkan ingatan yang lebih lama dan merasakan keseronokan serta mengelakkan rasa jemu.

Manakala dapatan berkaitan dengan kaedah pengajaran guru (*kitabah*) guru dapat melaksanakan kaedah pengajaran dengan baik sekali. Kemahiran kitabah atau kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang telah ditekankan di peringkat sekolah rendah lagi. Menurut Azman Wan Chik (1994) kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sangat kompleks, Abu al-Fida' (2006) turut menambah bahawa pen memainkan peranan yang penting ianya merupakan alat dan senjata kepada ilmu.

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan bahawa guru dapat melaksanakan kaedah pengajaran dengan baik untuk mempengaruhi pencapaian pelajar. Walaupun begitu peruntukan masa mengajar dan kemudahan bahan bantu mengajar perlu dipertingkatkan. Implikasi kajian menunjukkan perlunya sumbangan idea dan kajian bagi penambahbaikan terhadap usaha yang dilakukan oleh semua pihak. Semoga usaha dalam melaksanakan pelbagai mampu melahirkan golongan pelajar yang mampu membimbing pelajar menguasai dan mempertingkatkan amalan

sunnah di dalam kehidupan sehari-hari sebagaimana pengajaran yang diperolehi daripada pembelajaran hadis di sekolah.

References

- Al-Quran al-Karim
- Abdullah Basmeih.2001 *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir
- Abdul Hayei bin Abdul Sukor (2006) *Pengajian Hadis: Tradisi dan Permasalahannya di Malaysia*, Haziyah Hussin et al (eds.) *Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan*. Bandar Seri Putra: Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fkulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
- Abu Al-Fida' 2006. *Kaifa Nahfazul Quran* Kaherah: Darul Salaam
- Ahmad Mohd. Salleh. 2004. *Pendidikan Islam falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Khairuzaman b. Kadir. 2003. *Pengajaran Sintaksis BA di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S*: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana Fakulti Bahasa, Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Faidz bin Mohd Fadzil, Fauzi bin Deraman, Selamat bin Amir, (Jun 2014) *Pengajian Hadith Di Institusi Formal dan Non Formal Di Malaysia*
- Muhammad Faiz bin Ismail. 2012. *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*.
- Omardin Ashaari. 1997. *Prinsip pengajaran mikro*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutrennada & Ahmad Yunus bin Mohd Noor, 2015 *Pengajaran dan Pembelajaran Hadis Di Maahad Darul Hadis, Alor Star Kedah*
- Rorsuedee Salaeh @ Rushdi Jubuky. 2007. *Pengajian Hadith: Satu Kajian di Sekolah Menengah Islam al-Amin Gombak, Selangor*. Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sidi Gazalba. 1981. *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*, Kuala Lumpur, Penerbitan Pustaka Antara Kuala Lumpur.
- Suhaimi Abdul Wafir. 2006. *Pengajian Hadith di Negeri Perak: Suatu Kajian di SekolahMenengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak*. Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zakaria Abdullah, 2011, *Pengajaran dan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah Pendidikan Islam.
- Zawawi Ismail, 2008, *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.